

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN MARIA CHIN ABDULLAH
(PETALING JAYA)**

SOALAN

PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH [PETALING JAYA] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah statistik bunuh diri dan pecahannya mengikut pendapatan, kaum, umur dan negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Berdasarkan statistik dari Januari 2019 sehingga Jun 2020 jumlah kes bunuh diri yang telah dilaporkan kepada PDRM di seluruh negara adalah sebanyak 175 kes. Dalam tempoh sama, kes bunuh diri melibatkan kaum Cina mencatatkan bilangan kes tertinggi iaitu dengan 73 kes, diikuti kaum Melayu sebanyak 34 kes, dan kaum India sebanyak 28 kes. 40 kes lagi terdiri daripada campuran pelbagai kaum.

Peringkat umur yang didapati ramai membunuh diri adalah dalam julat umur 20 hingga 39 tahun iaitu seramai 82 orang diikuti julat umur 40 hingga 59 tahun seramai 46 orang. Kategori umur lebih 60 tahun direkodkan seramai 28 orang dan terakhir adalah kategori umur bawah 19 tahun seramai 9 orang. Baki seramai 10 lagi orang tidak dapat dipastikan umur mereka.